

28 JAN 1999

Samy-Lebuh Raya

20 PROJEK LEBUH RAYA DITUNDA, KATA MENTERI KERJA RAYA

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata, 20 projek lebuh raya ditunda ekoran keputusan kerajaan menangguhkan pembinaan lebuh raya baru oleh sektor swasta.

Beliau berkata, projek-projek itu yang perjanjiannya masih belum ditandatangani tidak akan dilaksanakan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas sesi taklimat kepada Setiausaha Agung DAP dan ketua pembangkang di Parlimen Lim Kit Siang mengenai kadar tol baru di lebuh raya Damansara-Puchong di pejabatnya di sini, Samy berkata bagaimanapun projek-projek yang telah dimulakan, termasuk lebuh raya bertingkat Ampang, lebuh raya Kerinchi Link atau Sprint akan diteruskan.

Menteri itu berkata, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur juga akan diteruskan memandangkan syarikat pemegang konsesi telahpun menandatangani perjanjian dengan kerajaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan yang kerajaan memutuskan untuk menunda pembinaan lebuhraya baru oleh sektor swasta memandangkan rakyat Malaysia masih belum bersedia membayar tol untuk menggunakan jalan berkualiti.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata lebuh raya baru tidak akan dibina sehingga pengguna sedia menggunakan jalan-jalan bertol.

Mengenai taklimat kepada Lim dan delegasinya, Samy Vellu berkata beliau bersetuju untuk mengemukakan ke Kabinet cadangan DAP supaya Majlis Perunding Lebuhraya ditubuhkan.

Sementara itu Lim pula berkata, majlis yang dicadangkan itu akan menyediakan saluran bagi pengguna lebuh raya membincangkan dan mengemukakan idea dan masalah mereka berhubung sebarang kenaikan tol dan penswastaan lebuh raya di masa depan.

Samy Vellu berkata, beliau menjelaskan kepada Lim yang kerajaan hanya menyediakan pinjaman mudah bernilai RM98 juta kepada Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd, syarikat konsesi Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) untuk membeli tanah bagi projek itu.

"Saya telah memberitahu beliau (Lim) bahawa projek ini sukar dibina kerana ia berada di kawasan bandar," kata beliau.

Samy Vellu juga telah memberitahu Lim yang beberapa syarat perjanjian antara kerajaan dan pemegang konsesi lebuh raya telah didedahkan kepada umum (melalui media).

Beliau berkata, adalah mustahil bagi kerajaan mendedahkan butir-butir perjanjian kepada umum sebelum sesuatu projek bermula kerana pemilik tanah akan menaikkan harga tanah mereka ada kalanya sehingga lima kali ganda.

Sementara itu, Lim menyeru pengguna lebuh raya supaya jangan berpuas hati dengan kadar baru tol di LDP. Lim berkata mereka perlu mendesak tol dikurangkan sehingga 50 sen.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan yang tol bagi pengguna LDP akan dikurangkan daripada RM1.50 kepada RM1 selepas Tahun Baru Cina.

Ditanya sama ada Gabungan Membantah Tol akan membatalkan perhimpunan membantah kenaikan tol di beberapa plaza tol pada setiap Ahad ekoran pengurangan tol di LDP dan penjelasan Samy Vellu, Lim berkata: "Perkara itu akan dipertimbangkan."

Gabungan itu yang terdiri daripada parti-parti pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bercadang mengadakan bantahan setiap Ahad di beberapa plaza tol untuk membantah kenaikan tol.

-- BERNAMA
ES AHH PR